



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**KEBERKESANAN MODUL PEMULIHAN DADAH KE ATAS  
MOTIVASI PENCAPAIAN DALAM KALANGAN  
PELATIH PUSAT SERENTI DI SEPANG**

**SITI RAHMAH BINTI ALIAS**

**FPP 2012 29**

**KEBERKESANAN MODUL PEMULIHAN DADAH KE ATAS  
MOTIVASI PENCAPAIAN DALAM KALANGAN  
PELATIH PUSAT SERENTI DI SEPANG**

**Oleh**

**SITI RAHMAH BINTI ALIAS**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Fakulti Pengajian Pendidikan,  
Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk memperolehi  
Ijazah Master Sains**

**April 2012**

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan Master Sains

**KEBERKESANAN MODUL PEMULIHAN DADAH KE ATAS MOTIVASI  
PENCAPAIAN DALAM KALANGAN PELATIH PUSAT SERENTI DI SEPANG**

Oleh

**SITI RAHMAH BINTI ALIAS**

**April 2012**

**Pengerusi: Prof. Madya Hj. Jamaludin Bin Hj. Ahmad, PhD**

**Fakulti: Pengajian Pendidikan**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan Modul Pemulihan Dadah (MPD) ke atas motivasi pencapaian yang mana diukur dari enam aspek iaitu perancangan matlamat, ketabahan, jangkaan terhadap kejayaan, tahap kebimbangan, kesanggupan menghadapi risiko dan pencapaian sikap yang dilaksanakan dalam kalangan pelatih pusat serenti di Daerah Sepang, Selangor.

Kajian keberkesanan MPD ke atas motivasi pencapaian dalam kalangan pelatih pusat serenti di Sepang ini telah menggunakan reka bentuk kajian eksperimental yang melibatkan ujian pra dan ujian pasca. Kajian eksperimental ini bertujuan untuk menerangkan dengan lebih jelas keberkesanan MPD ke atas motivasi pencapaian.

Subjek kajian terdiri daripada 66 pelatih Pusat Serenti Sepang, telah dipilih secara rawak. Mereka telah dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu seramai 33 pelatih sebagai kumpulan eksperimen dan 33 pelatih lagi sebagai kumpulan kawalan. Kumpulan eksperimen telah mengikuti MPD selama lima hari yang dikendalikan sepenuhnya oleh 3 orang pembantu penyelidik terlatih. Untuk hipotesis, skor min dan ujian- $t$  telah digunakan.

Kajian ini menggunakan dua alat kajian iaitu MPD yang dilaksanakan kepada kumpulan eksperimen dan Ujian Motivasi Pencapaian yang dilaksanakan kepada kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan untuk mengukur tahap motivasi pencapaian pelatih.

Dapatan kajian mendapati terdapat peningkatan min yang ketara pada skor min ujian pra (85.40) dan ujian pasca (111.21) bagi kumpulan eksperimen. Analisis ujian- $t$  pula membuktikan perbezaan tersebut adalah signifikan [ $t(32) = -3.88, p = 0.000$ ]. Oleh yang demikian, terdapat perbezaan yang signifikan di antara ujian motivasi pencapaian bagi ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan eksperimen.

Manakala bagi kumpulan kawalan pula, tidak terlihat perbezaan yang ketara pada skor min ujian pra (85.21) dan ujian pasca (85.94). Analisis ujian- $t$  juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara ujian pra dan ujian pasca [ $t(32) = -0.94, p = 0.180$ ]. Oleh yang demikian, tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara ujian motivasi pencapaian bagi ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan.

Dapatan kajian juga mendapati memang terdapat perbezaan yang signifikan ke atas motivasi pencapaian di antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan iaitu, [ $t(32) = -3.82, p = 0.001$ ] pada aras  $\alpha = 0.05$ . Walaubagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan perbezaan yang ketara pada skor min motivasi pencapaian bagi kumpulan eksperimen di mana skor min tersebut lebih tinggi (111.21) berbanding kumpulan kawalan (85.94).

Rumusannya, hasil kajian ini dapat meningkatkan motivasi pencapaian dalam diri seorang pelatih di pusat serenti di mana kesan pelaksanaan MPD dapat mengubah seseorang pelatih ke arah yang lebih baik. Motivasi pencapaian ialah kemahuan dalam diri seseorang individu untuk melakukan sesuatu untuk mencapai matlamat. Oleh itu, kajian-kajian berterusan perlu dilakukan dengan kawalan yang lebih ketat untuk mengatasi kelemahan-kelemahan kajian sedia ada, agar keberkesanan MPD dapat dikenal pasti. Oleh itu, Modul Pemulihan Dadah boleh digunakan untuk menyediakan motivasi pencapaian diri pelatih umumnya dan pelatih pusat serenti di Sepang khususnya, dalam menghadapi cabaran dan dugaan di hari mendatang.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for degree of Master of Science

**THE EFFECTIVENESS OF DRUG REHABILITATION MODULE ON THE  
ACHIEVEMENT MOTIVATION AMONGST TRAINEES  
IN PUSAT SERENTI SEPANG**

By

**SITI RAHMAH BINTI ALIAS**

April 2012

**Chairman: Prof. Madya Hj. Jamaludin Bin Hj. Ahmad, PhD**

**Faculty: Educational Studies**

This research aimed at determining the effectiveness of the drug rehabilitation module in the achievement motivation of the trainees in Pusat Serenti Sepang. The achievement motivation consisted of six categories which are goal planning, perseverance, expectation of success, level of anxiety, willingness to take risks and attitude achievement.

This research used the experimental design which involved the pre-test and post-test. The purpose of this experimental research was to determine in details the drug rehabilitation module effectiveness on the achievement motivation.


The sample of this research consisted of 66 trainees chosen randomly at Pusat Serenti Sepang. They were divided into two groups, experimental and control, with 33 trainees in each group. The drug rehabilitation module, which was implemented for five days was fully handled by 3 trained research assistants. Mean Score and t-test are used for the hypothesis.

This research used two instruments, the drug rehabilitation module and the Achievement Motivation Test. The drug rehabilitation module was implemented in the experimental group whereas the Achievement Motivation Test was implemented in both the experimental and control groups in order to measure the level of trainee' achievement motivation.

The findings of this study showed that an increase from pre-test mean score (85.40) and post-test mean score (111.21) in the experimental group. The t-test analysis showed that the variance is significant [ $t(32) = -3.88, p = 0.000$ ]. Therefore, the result showed that is significant variance in the achievement motivation between the pre-test and post-test for the experimental group.

The finding of this study also found that there is a significant difference in the achievement motivation between the two groups which is [ $t(32) = -3.82, p = 0.001$ ] at level  $\alpha = 0.05$ . However, the findings also showed significant variance in the mean score of achievement motivation for the experimental group whereby the mean score is higher (111.21) than the mean score for the control group (85.94).

In conclusion, the findings of the study showed that the implementation of drugs rehabilitation module to the trainees increased their achievement motivation level. Achievement motivation is one's own will to achieve a goal. Therefore, ongoing research needs to be carried out in a more controlled environment in an effort to overcome the weaknesses of this study and to further determine the effectiveness of drug rehabilitation module. Furthermore, Drug Rehabilitation Module can be used for increasing the achievement motivation for Pusat Serenti trainees in Sepang as well as for the general use of the public in order to face the challenges in the future.





## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T dan selawat ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W dan keluarganya kerana dengan limpah kurnia-Nya, penulisan ilmiah ini dapat disempurnakan dengan penuh keazaman, iltizam dan kesabaran. Semoga ilmu dan pengalaman ini dapat mempertingkatkan kualiti hidup dalam mendidik diri menjadi insan yang Berjaya dan bertaqwa.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Hj. Jamaludin Bin Hj. Ahmad selaku Pengerusi Jawatankuasa Tesis ini, yang telah banyak memberikan bimbingan, tunjuk ajar dan saranan yang tidak ternilai sepanjang penulisan ilmiah ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih ini juga, saya majukan kepada Dr. Maznah Binti Baba, Ahli Jawatankuasa Tesis yang telah banyak menyumbangkan idea, menjana minda, dan mencetuskan ilham ke arah penulisan ilmiah ini.

Tidak lupa, dipanjangkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pensyarah Bimbingan dan Kaunseling, Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia, di atas ilmu, budi, dan bakti yang telah diberikan. Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada Tuan Komendan dan Kaunselor Pusat Serenti Sepang di atas kerjasama yang telah diberikan dalam menjayakan kajian dan penulisan ilmiah ini.

Akhirnya, ucapan penghargaan dan terima kasih ini saya tujukan buat seluruh ahli keluarga dan sanak-saudara yang begitu memahami, banyak berkorban dan menjana motivasi ke arah penyempurnaan penulisan ilmiah ini.

Semoga segala sumbangan mendapat ganjaran daripada Allah S.W.T.

Wassalam

## **PENGAKUAN**

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institut lain.



**SITI RAHMAH BINTI ALIAS**

Tarikh: 19 April 2012



## PENGESAHAN

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 16 Mei 2012 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Siti Rahmah Binti Alias bagi menilai tesis beliau yang bertajuk 'Keberkesanan Modul Pemulihan Dadah Ke Atas Motivasi Pencapaian dalam Kalangan Pelatih Pusat Serenti Di Sepang' mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi Ijazah Master Sains Bimbingan Dan Kaunseling.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Halimatun Halaliah Mokhtar, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Rusnani Abdul Kadir, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Sidek Mohd Noah, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

---

**BUJANG KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains Bimbingan Dan Kaunseling. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Hj. Jamaludin Bin Hj. Ahmad, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Maznah Binti Baba, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli Jawatankuasa)

---

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## KANDUNGAN

### Muka surat

<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iv
<b>PENGHARGAAN</b>	vii
<b>PENGAKUAN</b>	viii
<b>PENGESAHAN</b>	ix
<b>PENYATAAN</b>	x
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
<b>BAB</b>	
<b>I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>
	Pengenalan Kajian 1
	Latar belakang Kajian 1
	Pernyataan Masalah 10
	Pendekatan Teori 13
	Teori Motivasi Pencapaian Mc Clelland 13
	Objektif Kajian 17
	Objektif Khusus 17
	Kepentingan Kajian 18
	Definisi Pemboleh Ubah Kajian 20
	Definisi Konsep Dan Operasional Modul 20
	Definisi Konsep Dan Operasional Motivasi Pencapaian 21
	Hipotesis Kajian 22
	Rumusan 23
<b>II</b>	<b>SOROTAN LITERATUR BERKAITAN</b>
	Pengenalan 24
	Kajian Modul Pemulihan Dadah 24
	Kajian Berkaitan Motivasi Pencapaian 30
	Kajian Berkaitan Faktor Penyalahgunaan Dadah 42
	Rangka Kerja Kajian 51
	Rumusan 53

<b>III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
	Pengenalan	53
	Reka bentuk Kajian	53
	Ancaman Kepada Kesahan Kajian	55
	Ancaman Kepada Kesahan Dalaman	55
	Sejarah dan Kematangan	56
	Instrumentasi	56
	Regresi Statistik	57
	Kesan Mortaliti	58
	Ancaman Kepada Kesahan Luaran	59
	Kesan Interaksi Bias Pemilihan dan Rawatan	59
	Kesan Reaktif Prosedur Eksperimen	60
	Kesan <i>Hawthorne</i>	60
	Tempat Kajian	61
	Sampel Kajian	61
	Instrumen Kajian	62
	Modul Pemulihan Dadah	62
	Ujian Motivasi Pencapaian (UMP)	64
	Tatacara Kajian	68
	Peranan Fasilitator	70
	Batasan Kajian	71
	Pengumpulan Data	72
	Penganalisan Data	72
	Rumusan	74
<b>IV</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
	Pengenalan	75
	Profil Sampel	75
	Pengujian Hipotesis	78
	Hipotesis Satu (a)	79
	Hipotesis Satu (b)(1)	80
	Hipotesis Satu (b)(2)	81
	Hipotesis Satu (b)(3)	82
	Hipotesis Satu (b)(4)	83
	Hipotesis Satu (b)(5)	84
	Hipotesis Satu (b)(6)	85
	Hipotesis Kedua	86
	Hipotesis Ketiga	87
	Rumusan Keputusan Kajian	88
	Rumusan	89

<b>V</b>	<b>PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	
	Pengenalan	90
	Perbincangan	90
	Implikasi Kajian	103
	Cadangan Kajian	107
	Kesimpulan	111
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	112
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	123
	<b>LAMPIRAN</b>	124

